

**Azeez: Laporan sudah diserahkan kepada PM**  
**The Malaysian Insider**  
**05 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Sept — Presiden Kelab Putera 1 Malaysia Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata beliau telah menyerahkan laporan mengenai kematian jurukamera Bernama TV Noramfaizul Mohd Nor kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan bila laporan itu disampaikan kepada Najib.

"Jadi, adalah lebih baik Perdana Menteri yang mengumumkan laporan penuh berkaitan tragedi tersebut," katanya dipetik Bernama Online selepas menghadiri majlis tahlil dan bacaan Yaasin untuk Allahyarham di Masjid Al-Islah, Serdang dekat sini malam tadi.

Noramfaizul, 39, terkorban di Somalia Jumaat lalu setelah terkena tembakan curi ketika dalam perjalanan pulang ke tempat penginapan dengan menaiki pacuan empat roda dari memberikan bantuan kepada mangsa kemarau dan kebuluran oleh misi kemanusiaan Kelab Putra 1 Malaysia.

Abdul Azeez (gambar) berkata pihaknya akan menguruskan tuntutan insurans yang diambil oleh Kelab Putera 1 Malaysia bagi melindungi anggota misi itu berikutan kematian Noramfaizul yang akan disampaikan kepada ibu bapa Allahyarham.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/azeez-laporan-sudah-diserah-kepada-pm/>